

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(XIV)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB. LEE CHUN KIT**

13. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menaik taraf bangunan-bangunan dan juga fasiliti-fasiliti awam yang lama demi keselesaan pengguna?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

13. Perancangan pihak Kerajaan Negeri untuk menaik taraf bangunan-bangunan dan fasiliti-fasiliti awam yang lama demi keselesaan pengguna bersama-sama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), merangkumi perkara-perkara seperti berikut:
- (i) Pemberitahuan kepada pemilik bangunan-bangunan awam seperti hotel, restoran, pusat membeli-belah, pasar awam, tandas awam, pejabat dan bangunan kerajaan serta lain-lain tempat kemudahan awam supaya dinaik taraf bagi mematuhi Seksyen 34A Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS Pindaan 1993), terutamanya bagi mematuhi piawaian Malaysia MS 1184 (*Universal Design & Accessibility in the Built Environment Code of Practice*) dan MS 1183 (*Fire Safety in Design, Management & Use Of Buildings - Code Of Practice*).
 - (ii) Melaksanakan audit ke atas fasiliti-fasiliti Orang Kurang Upaya (OKU) khususnya bangunan-bangunan sedia ada dan juga bangunan baharu supaya kehendak-kehendak di

bawah Seksyen 34A Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKSB) dipatuhi.

- (iii) Melaksanakan kerja-kerja naik taraf perhentian bas berbumbung yang lama melalui peruntukan kerajaan dan penajaan daripada pihak swasta. Seterusnya, penguatkuasa dari PBT akan menyusuli dengan pemantauan ke atas lokasi-lokasi perhentian bas berbumbung secara berkala untuk memastikan fasiliti-fasiliti berkenaan berada dalam keadaan yang baik dan selamat.

Jadual di bawah merumuskan jumlah projek menaik taraf bangunan-bangunan dan fasiliti awam lama dari tahun 2008 sehingga 2018 yang berada di bawah seliaan PBT iaitu pihak MBPP dan MPSP;

Bil.	Kategori Fasiliti / Bangunan Lama	Jumlah Projek Menaik Taraf yang Dilaksanakan
PBT - MBPP		
(1)	Pasar Awam	21
(2)	Kompleks Makan Awam	10
(3)	Tandas Awam	1
(4)	Kemudahan Permainan, Kemudahan Bersukan & Taman Awam	2
(5)	Dewan/Balai Rakyat	1
(6)	Perhentian Bas Berbumbung	4

PBT - MPSP		
(1)	Pasar Awam	2
(2)	Kompleks Makan	4
(3)	Tandas Awam	2
(4)	Kemudahan Permainan, Kemudahan Bersukan & Taman Awam	15
(5)	Dewan/Balai Rakyat	1
(6)	Perhentian Bas Berbumbung	2
(7)	Lain-lain Kemudahan Awam	1

Maklumat lanjut berkenaan perancangan menaik taraf bangunan-bangunan dan fasiliti-fasiliti sedia ada oleh PBT boleh dirujuk pada **LAMPIRAN A** (bagi MBPP) dan **LAMPIRAN B** (bagi MPSP).